

## ZAKAT ASET DIGITAL MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM

**MOHD KAMARUL KHAIDZIR SAADAN & KHAIRUL AZIM BIN AMIR HASSAN**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi, Selangor.  
khaidzir@kuis.edu.my, 19bs02006@student.kuis.edu.my

### ABSTRAK

Aset digital merupakan mata wang maya yang sangat popular dalam komuniti pada hari ini. Ia muncul dengan pelbagai bentuk dan inovasi dalam fokus mengubah sistem monetari dunia khususnya di Malaysia. Secara umumnya, penulisan ini memfokuskan perbincangan berkaitan aset digital serta mekanisme zakat terhadapnya. Objektif ini ialah membincangkan status aset digital menurut pandangan syarak dan menganalisis kaedah pelaksanaan zakat terhadap aset digital. Metodologi kajian yang dijalankan adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan metode pengumpulan data yang merangkumi kajian perpustakaan dan kajian dokumentasi. Hasil kajian ini menjelaskan hukum hakam terhadap aset digital serta aplikasinya dalam sistem pengurusan zakat di Malaysia. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan dalam pembentukan kerangka pengeluaran zakat yang lebih berkesan. Kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan panduan untuk seluruh masyarakat agar dapat dipraktikkan dengan betul dan telus serta selari dengan panduan dan hukum yang telah ditetapkan.

*Kata kunci:* Aset digital, zakat, hukum syarak.

### PENDAHULUAN

Pada era serba moden ini, pengurusan muamalah dalam setiap operasi atau organisasi telah berkembang pesat. Bukan sahaja melibatkan kepada organisasi-organisasi yang besar seperti kerajaan atau swasta, malah ia melibatkan industri-industri kecil dan sederhana yang baru melangkah untuk berkembang maju. Era pasca-modern ini telah membawa kita kepada satu pembaharuan yang positif yang mana kebanyakan transaksi atau muamalah dilakukan secara atas talian atau secara *online*. Tidak disangkal lagi bahawa majoriti pengurusan yang ada di Malaysia menggunakan sistem online dalam pengurusan mereka di samping tidak mengenyahkan sistem secara bersemuka yang diamalkan sejak dahulu lagi.

Berkata mengenai urusan secara *online*, sistem pengurusan zakat di Malaysia juga tidak lari daripada mengamalkan sistem secara atas talian. Mereka adalah antara yang terawal yang menerima masuk sistem atas talian ini dalam pengurusan mereka. Malah, masyarakat yang sering berurusan berkenaan zakat juga menerima dengan hati yang terbuka bahawa zakat secara atas talian ini adalah satu perkara yang relevan dalam kehidupan hari ini. Hal ini adalah kerana, zakat merupakan antara perkara yang paling utama dalam agama Islam.

### PERBINCANGAN

#### Konsep Zakat Dan Aset Digital Menurut Syarak

##### *Pengertian Zakat*

Perkataan zakat berasal daripada kalimah arab iaitu *al-zakat* yang membawa maksud bersih, suci, subur, berkat dan berkembang. Pengertian daripada perkataan bersih dan suci dalam zakat pula

membawa maksud membersihkan harta seseorang daripada hak orang lain dan menyucikan diri daripada sifat kedekut dan bakhil iaitu sifat yang tamak terhadap harta. Daripada pengertian lain pula, ia turut diambil daripada perkataan arab iaitu *zaka' as-syai'* yang bermaksud sesuatu itu bertambah dan subur (Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2009).

Pengertian zakat dari segi istilah syarak ialah kadar tertentu yang diambil daripada sebahagian tertentu, yang wajib diberikan kepada golongan tertentu apabila cukup syarat-syarat yang ditentukan (al-Zuhaili, 1998). Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2009) menyatakan harta yang diberikan kepada golongan tertentu itu adalah dinamakan zakat. Ini adalah kerana pengagihan tersebut dan doa penerimanya akan menyebabkan baki hartanya menjadi subur dan bertambah berkat.

Pengertian zakat menurut empat mazhab pula ialah, yang pertama menurut Mazhab Hanafi, zakat ialah dengan memberikan hak milik sebahagian harta yang tertentu daripada harta yang khusus kepada individu yang tertentu yang telah ditetapkan oleh Allah SWT untuk mendapatkan keredhaan-Nya. Yang kedua, Mazhab Maliki berpendapat zakat ialah dengan mengeluarkan sebahagian harta yang khusus yang cukup nisab kepada orang yang berhak menerimanya, sekiranya sempurna milik dan cukup haul iaitu bagi yang selain daripada harta galian, tanaman dan rikaz. Yang ketiga iaitu menurut Mazhab Hanbali pula, zakat adalah hak wajib pada harta tertentu yang diberikan kepada golongan yang tertentu pada waktu yang tertentu. Manakala menurut Mazhab Syafie, zakat adalah nama bagi sesuatu yang dikeluarkan daripada harta dan tubuh badan dengan cara yang tertentu (al-Zuhaili, 1998).

## **Definisi Aset Digital**

Aset digital merupakan sejenis mata wang maya yang digunakan secara digital. Kegunaan mata wang ini telah berubah dari segi bentuk dan nilai dari masa ke masa sejak zaman dahulu lagi. Dalam sejarah Islam, mata wang itu terdiri daripada dua bentuk logam yang telah mendapat kepercayaan oleh masyarakat pada masa tersebut iaitu berdasarkan kepada unit emas dan perak. Setiap mata wang yang dicetak atas unit logam tertentu itu mempunyai nilai yang tinggi yang dipercayai oleh masyarakat. Jadi, mata wang itu adalah yang berkaitan langsung dengan kepercayaan masyarakat untuk mereka melakukan aktiviti jual beli dan perkhidmatan. Selain itu, para sarjana meletakkan pelbagai ciri mata wang sama ada ciri fizikal, teknikal dan seumpamanya.

Namun begitu, ciri penting yang perlu ada terhadap sesuatu mata wang ialah dua sifat utama iaitu diterima umum dan kestabilan nilai. Sesuatu wang mestilah diterima oleh masyarakat umum tidak kira dalam sistem ekonomi apa sekalipun sebagai fungsi alat tukaran. Imam Malik berkata, andainya kulit dijadikan wang oleh sesuatu masyarakat, maka aku haramkan ia ditukar dengan emas secara bertangguh. Oleh itu dapat difahami di sini bahawa apa sahaja yang diterima umum sebagai mata wang, maka ia boleh dijadikan wang. Yang kedua nilai yang stabil. Sifat ini sangat penting kepada pengguna wang untuk menjalankan fungsi wang tersebut. Secara umumnya, nilainya yang stabil dan tidak mudah naik dan turun secara mendadak. Jika nilainya tidak stabil, maka ia tidak boleh berfungsi sebagai penyimpan nilai. Justeru dalam konteks aset digital ini, ia merupakan satu mata wang yang telah menjadi perkara yang sangat penting untuk satu tujuan iaitu sebagai pemudah cara untuk bertransaksi seperti membeli barang dan perkhidmatan juga digunakan untuk perkara lain. Ia bukanlah satu instrumen

pelaburan dari segi kedudukan yang asal bahkan ia perlu untuk memudahkan perhubungan kita sebagai manusia iaitu dengan menggunakan satu alat sebagai alat pertukaran dengan tujuan memberikan harga dan nilai tertentu kepada barang dan perkhidmatan tersebut.

Pada masa kini, aset digital merupakan satu perkara yang tidak asing bagi segelintir manusia bahkan ia telah menjadi perkara utama kepada sesetengah masyarakat. Ia juga merupakan perkara yang sedang berlaku dan akan terus berlaku dalam kehidupan kita yang mana merupakan satu realiti yang tidak dapat kita tolak. Malah dalam aplikasi syariah, pendekatan yang terbaik bukanlah dengan mencari pendekatan yang berbentuk konservatif malah ia satu pendekatan yang berbentuk realistik berdasarkan sesuatu keadaan dan fakta yang kita sendiri boleh menguasai dengan sebaik mungkin. Justeru, aset digital ini dapat dibahagikan kepada beberapa jenis aset iaitu antaranya termasuklah bitcoin, kripto, luno, token digital dan sebagainya. Ada juga yang berpendapat melalui aplikasi yang wujud pada hari ini seperti E-wallet, E-money juga grab dan uber juga adalah termasuk dalam aset digital (Mohd. Daud Bakar, 2021).

### **Platform Aset Digital Patuh Syariah di Malaysia**

Setakat ini, terdapat empat aset digital patuh syariah yang sah dan diluluskan untuk digunakan dalam pelaburan saham di Malaysia berdasarkan garis panduan SSM. Namun, pelaburan atau perdagangan mata wang kripto hanya boleh dilakukan melalui platform yang tersenarai di *Digital Asset Exchange* (DAX). Empat platform yang dilesenkan SSM adalah Luno Malaysia, SINEGY Technologies (M), Tokenize Technology (M) dan MX Global (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2021). Melalui platform-platform ini, para pelabur atau pedagang boleh melakukan transaksi aset digital yang dibenarkan oleh SSM (Irfan, 2021).

- i. Luno Malaysia Sdn. Bhd: Luno merupakan sebuah platform pertukaran mata wang kripto pertama yang mendapat kelulusan penuh daripada SSM pada bulan Oktober 2019. Luno telah pun beroperasi di Malaysia sejak tahun 2015. Menjelang tahun 2017, Luno telah dijadikan sebagai syarikat pertukaran aset digital terbesar di negara ini dan telah pun terlibat dalam kerjasama dan membantu pengawal selia dalam membentuk rang undang-undang peraturan mata wang kripto di Malaysia (Che Wan, 2019). Luno merupakan syarikat mata wang kripto terkemuka global yang mempunyai misi untuk menaik taraf dunia kepada sistem kewangan yang lebih baik. Luno mempunyai ibu pejabatnya di London dengan hab serantau di Singapura dan Cape Town. Selain itu pada masa kini hab serantau yang lain adalah di Kuala Lumpur, Johannesburg, Jakarta, Lagos, Sydney dan Stamford (Luno, 2022).
- ii. SINEGY Technologies (M) Sdn. Bhd.: SINEGY Technologies (M) Sdn. Bhd telah diperbadankan sebagai syarikat induk pertukaran aset digital pada tahun 2017. Misinya adalah untuk membawa aset digital ini lebih dekat dengan Malaysia. Sejak daripada itu, mereka telah membolehkan ribuan rakyat Malaysia mengakses aset digital melalui pertukaran syarikat ini. Syarikat ini telah mendapat kelulusan SSM pada Oktober 2019. Ia diasaskan di Georgetown, Pulau Pinang pada Jun 2017 dan mendapat lesen *Regional Marketing Organization* (RMO) daripada SSM pada 4 Jun 2019 (Irfan, 2021). Syarikat ini beroperasi melalui platform DAX mereka yang dinamakan *Marketplace* di laman web syarikat mereka sendiri, di mana mereka boleh berdagang Bitcoin dan Ethereum yang mesti menggunakan pengantaraan dengan Ringgit Malaysia (SINEGY, 2022).

- iii. Tokenize Technology (M) Sdn. Bhd.: Tokenize ini diasaskan oleh Hong Qi Yu, di mana beliau memulakan kerjayanya sebagai pengaturcara utama dalam permulaan *Fintech*. Sebagai peminat blockchain, Qi Yu menceburi perdagangan aset digital dan beliau kemudiannya menubuhkan Tokenize untuk membolehkan lebih ramai pelanggan yang berminat dan berfikiran sama pada era ini supaya dapat berdagang dalam platform ini dengan selamat dan terjamin. Pada 1 April 2020, Tokenize mendapat kelulusan penuh daripada SSM untuk mengendalikan DAX. Peristiwa ini merupakan saat yang penting untuk syarikat ini kerana ia meletakkan mereka di kalangan bursa untuk menawarkan *fiat-to-digital asset*. Ia diasaskan oleh Hong Qi Yu di Singapura pada tahun 2018 dan dianugerahkan lesen RMO pada Jun 2019 (Irfan, 2021). Syarikat ini berhasrat untuk berkembang menjadi platform kewangan aset digital yang memperkasakan pada generasi akan datang dengan aplikasi yang luas di dunia yang sebenar daripada hartanah kepada sistem pembayaran harian (Tokenize, 2022).
- iv. MX Global Sdn. Bhd. : MX Global ditubuhkan pada tahun 2018 dan merupakan syarikat *Fintech* yang berpangkalan di Kuala Lumpur dengan misi untuk mencipta platform dagangan *cryptocurrencies* yang sangat mudah diakses dan selamat yang membolehkan pelabur, pengguna untuk menggunakan transaksi *cryptocurrencies*. Syarikat ini membayangkan platform dagangan MX Exchange akan menjadi platform kecairan pilihan untuk pelabur *cryptocurrencies* dan token *issuers*. Syarikat ini telah mencipta platform mesra pengguna untuk pelanggan mereka memulakan dagangan dalam Bitcoin dan Ethereum. MX global menawarkan penyelesaian secara *end-to-end* dalam menyimpan, membeli dan menjual *cryptocurrencies* dalam pertukarannya dan sistem pengurusan pematuhan MX Global dengan mencerminkan kawalan keselamatan siber yang kukuh, dan dapat memberikan ketenangan fikiran kepada pengguna syarikat mereka (MX Global, 2021).

### **Status Aset Digital Mata di Malaysia**

Istilah lain bagi nama-nama instrumen ini ialah token pertukaran. Token pertukaran ini digunakan sebagai kaedah pertukaran atau untuk pelaburan. Ianya dikeluarkan oleh pihak swasta dan tidak disokong dengan aset. Dalam penyimpanan nilainya, segala aset digital ini masih tidak diiktiraf sebagai mata wang fiat yang sah digunakan untuk pengurusan muamalat dalam Islam. Justeru dalam medium pertukaran pula, semua aset digital ini tidak digunakan secara meluas sebagai kaedah pembayaran berikutan pelbagai batasan. Disebabkan ianya aset digital, terdapat ramalan masalah yang boleh dihadapi jika tidak dapat dijaga dengan baik oleh pihak berautoriti. Sebagai contoh, masalah yang boleh berlaku adalah sebagaimana dalam pelaburan iaitu turun naik harga. Contoh masalah lain pula aset digital ini mudah terdedah kepada ancaman siber, isu penskalaan dan lain-lain. Untuk unit akaun dalam aset digital, ianya tidak digunakan secara meluas untuk penetapan harga barangan dan perkhidmatan kerana ia masih lagi tidak diiktiraf sebagai mata wang fiat di negara kita (Bank Negara Malaysia, 2020).

Aset digital di negara kita dikawal selia oleh SSM melalui ICO dan dagangan aset digital di bursa aset digital di Malaysia. Peraturan-peraturan disediakan dalam laman web SSM agar aset digital tertakluk kepada undang-undang sekuriti bagi memastikan dagangan yang adil dan teratur serta perlindungan pelabur. Penerbit ICO dan bursa aset digital adalah tertakluk kepada Garis Panduan Mengenai Pencegahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan yang ditetapkan oleh SSM. Bank

Negara Malaysia (BNM) mengingatkan bahawa aset digital adalah tidak dibenarkan untuk diperlakukan di Malaysia supaya orang ramai berhati-hati dalam menilai risiko yang berkaitan ketika berurusan dalam aset digital (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; Bank Negara Malaysia, 2018).

Menurut Timbalan Menteri Kewangan, Yamani Hafez Musa, BNM masih belum memutuskan untuk mengeluarkan *Central Bank Digital Currency* (CBDC) dalam masa terdekat. Pihak BNM akan terus menilai secara aktif potensi CBDC untuk mencapai objektif dasar awam. Kerajaan meletakkan strategi untuk memastikan rakyat Malaysia terutamanya belia, tidak ketinggalan dalam memahami mengenai teknologi *blockchain* ini dan pendirian kerajaan berkenaan penggunaan mata wang kripto dalam urus niaga harian serta inisiatif kerajaan untuk mengolah mata wang kripto sendiri (*Stablecoin*). Penggunaan mata wang kripto dalam urus niaga harian ini boleh memanfaatkan pelbagai industri, misalnya boleh menyimpan rekod penting dengan selamat dan digunakan untuk menjejak harta intelek dalam perniagaan dan pelbagai kontrak undang-undang. Aset digital dapat dikeluarkan oleh syarikat untuk tujuan pengumpulan dana tertakluk kepada penerbit yang memenuhi syarat yang ditetapkan SSM sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti Mata Wang Digital dan Token Digital) 2019. Beliau berkata, secara umumnya, mata wang kripto bukan penyimpan nilai dan medium pertukaran yang baik disebabkan keadaannya yang terdedah kepada turun naik harga yang tidak menentu dan pendedahan kepada ancaman siber dan kekurangan dari segi boleh skala (BERNAMA, 2021).

### **Fatwa Dan Pandangan Ilmuan Islam Terhadap Aset Digital**

Terdapat tiga pandangan ilmuan Islam terhadap aset digital *cryptocurrencies*:

1. Pandangan Yang Mengharamkan

Pendapat daripada Majlis Fatwa Mesir menyatakan mana-mana urusan yang melibatkan mata wang kripto ini tidak dibolehkan dari sudut syarak kerana risikonya yang terlalu besar terhadap individu dan negara. Antara alasannya ialah mata wang digital ini masih belum diiktiraf sebagai mata wang. Ia mempunyai unsur *jahalalah*, *gharar* dan manipulasi yang amat sukar untuk dikawal selia oleh mana-mana pihak berautoriti apabila berlakunya pelaksanaan transaksi daripada klien kliennya. Selain itu, pengeluaran mata wang adalah hak mutlak pemerintah dan institusi Kewangan rasmi sesebuah negara. Ia juga boleh menjadi saluran untuk kegiatan-kegiatan haram dan melanggar undang-undang seperti penyumbangan dana kepada aktiviti penganas (Daesh), penggubalan wang haram dan pengelakan untuk membayar cukai (*tax evasion*). Fatwa Mesir ini juga berpendapat mata wang kripto ini boleh menjadi pelaburan yang berisiko tinggi dan boleh menyebabkan kerugian yang menyeluruh terhadap pelabur, serta pelabur juga tidak disediakan ganti rugi atas kerugian tersebut (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018).

Selain itu, terdapat kenyataan daripada Syeikh Ali Qaradaghi (Setiausaha Agung Kesatuan Ulama Sedunia) di mana beliau masih belum melakukan sebarang ketetapan akan hukum Bitcoin disebabkan oleh faktornya yang samar-samar untuk meneliti lebih lanjut mengenai mata wang kripto dari sudut positif dan negatifnya. Dalam kenyataan itu, tiada apa-apa persetujuan mengenai pandangan yang mengharuskan atau mengharamkan Bitcoin secara mutlak, dan beliau menggesa agar para ulama dan pakar ekonomi mengadakan satu pertemuan khas bagi mencapai satu kata sepakat berkenaan isu ini. Menurutnyalah, Bitcoin

boleh menjadi harus sekiranya penambahbaikan dilakukan terhadapnya dan ditetapkan beberapa *dhawabit* terhadapnya dan pelaksanaannya. Antara cadangannya adalah kerajaan mengiktiraf mata wang kripto sebagai mata wang alternatif kepada mata wang sedia ada bagi melindungi para pelabur daripada sebarang kerugian. Ini bertujuan untuk memudahkan kerajaan mengawal selia segala aktiviti berkaitan perdagangan mata wang digital ini (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018)

Pendapat lain daripada Dr Ahmad Sufyan Che Abdullah (Pensyarah Kanan Jabatan Syariah Universiti Malaya) pula secara peribadinya menyatakan Bitcoin tidak diharuskan kerana ia merupakan alat baharu yang tidak dapat dipastikan identitinya secara khusus sama ada ia berbentuk mata wang atau sebaliknya. Kesamaran ini juga disebabkan oleh Satoshi Nakamoto yang masih belum dikenalpasti identitinya. Terdapat isu-isu syariah yang boleh berlaku terhadap masyarakat awam jika mata wang kripto ini diharuskan untuk digunakan dalam pelaburan seperti kadar spekulasi yang tinggi, mudah berlaku penyelewengan dan penipuan, tiada sandaran, tiada kawalan daripada pihak berautoriti dan sebagainya (Luqman Tarmizi.2018).

## 2. Pandangan Yang Mengharuskan

Sebahagian sarjana lain pula mengharuskan penggunaan mata wang kripto ini. Antaranya pendapat Mohd Daud Bakar yang menyatakan penetapan hukum pelaburan dalam Bitcoin adalah harus, dan keuntungan yang diperolehi mesti dikenakan zakat. Namun begitu, walaupun Bitcoin patuh syariah, depan mata wang kripto tersebut, masih tidak jelas. Selain itu, Bitcoin tidak mempunyai elemen *gharar* kerana nilai yang sangat tidak stabil dan kemungkinan sistem mata wang kripto itu sendiri akan runtuh pada bila-bila masa. Dalam perdagangan mata wang kripto ini, *khatar* tidak mempunyai kesan ke atas hukum sesuatu perkara dan ia harus dibezakan dengan *gharar* yang memberi kesan ke atas hukum. Sebagai contoh, emas, yang mana nilainya adalah sangat tidak stabil, namun ia tidak mengharamkan untuk umat Islam melaksanakan jual beli. Justeru, langkah yang perlu diambil adalah dengan memperkenalkan peraturan dan regulasi untuk mengawal kestabilan nilai dan pengurusan transaksinya. Hal yang sama juga harus diperkenalkan untuk Bitcoin (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018).

Menurut Zaharuddin Abd Rahman pula, Bitcoin ini tiada elemen *gharar* pada peringkat penciptaan dan penghasilan Bitcoin itu sendiri, tetapi ditemui sewaktu peringkat transaksi di bursa (*exchange*) di mana masyarakat tidak boleh memastikan secara benar bahawa transaksi itu telah berlaku tanpa sebarang penipuan. Bitcoin boleh digunakan dalam urusan jual beli kerana ia menepati ciri-ciri mata wang yang digariskan dalam Islam, namun ia bukanlah mata wang yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa negara untuk membenarkan ia digunakan sebagai transaksi dalam jual beli. Sesiapa yang melibatkan diri dengan Bitcoin ini hendaklah memastikan untuk membayar zakat apabila cukup haul. Selain itu, umat Islam tidak dibenarkan untuk memperdagangkan Bitcoin ini kerana ia adalah satu bentuk mata wang yang dilarang untuk diperdagangkan dalam Islam (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018).

Berdasarkan pendapat Mufti Muhammad Abu Bakar (Penasihat Syariah Blossom Finance) bahawa kecenderungannya adalah lebih untuk mengharuskan Bitcoin dengan beberapa syarat. Antara syaratnya ialah Bitcoin hanya diharuskan di negara-negara yang tidak

melarang transaksi Bitcoin itu. Bitcoin harus digunakan untuk jual beli atau digunakan sebagai mata wang digital menurut tujuan asal ia dicipta, dan bukannya sebagai satu aset pelaburan. Di samping itu, pengguna dinasihatkan agar berhati-hati jika berlaku sebarang muslihat untuk memperdaya pengguna dengan menjalankan keuntungan berlipat ganda atas nama pelaburan Bitcoin, serta risiko kerugian yang bakal dihadapi memandangkan ketidakstabilan nilainya di pasaran (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018).

3. *Tawaqquf*

Terdapat juga pendapat daripada ulama yang bersifat *tawaqquf* iaitu masih lagi belum memberi pandangan secara rasmi mengenai hukum menggunakan mata wang Bitcoin. Ini kerana mereka ingin mendapatkan gambaran yang lebih jelas, luas dan menyeluruh. Dalam satu kertas kerja yang dibentangkan oleh Marjan Muhammad (Ketua Pejabat Kawalan Mutu Penyelidikan ISRA) di Persidangan Meja Bulat Mata Wang Kripto dan Sistem Kewangan Digital di Dewan Besar Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 28 Februari 2018, terdapat beberapa badan fatwa dan sarjana mengemukakan pandangan mengenai isu Bitcoin ini. Namun ISRA tidak melakukan sebarang pentarjihan ke atas mana-mana pendapat (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018)

## **Zakat Aset Digital**

### ***Hukum Mengeluarkan Zakat Aset Digital***

Perintah wajib berzakat itu adalah sama seperti perintah menunaikan solat. Hukum mengeluarkan zakat adalah fardu ain ke atas setiap orang Islam yang memenuhi segala syarat-syarat wajib berzakat. Selain itu, zakat juga merupakan rukun Islam yang ketiga dari lima rukun Islam. Hal ini telah disebutkan di dalam sebuah hadis riwayat Bukhari dan Muslim, Nabi Muhammad SAW bersabda:

Maksudnya:

Islam itu terbina atas lima perkara: bersaksi bahawa sesungguhnya tiada tuhan melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Muhammad itu utusan Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan dan menunaikan puasa pada bulan Ramadan.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dalam konteks aset digital, hukum mengeluarkan zakat terhadap aset digital tersebut adalah selari dengan hukum mengeluarkan zakat yang asas selain daripada aset digital. Ini adalah berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang melihat terdapat kewajaran dan keperluan untuk mengaplikasikan hukum zakat terhadap aset digital ini. Ini adalah bagi memberikan panduan kepada umat Islam yang telah terlibat secara meluas dalam transaksi dan pelaburan melalui kaedah ini agar tidak mengabaikan hak terhadap harta yang merupakan salah satu rukun Islam yang wajib ditunaikan. Setiap aset digital seperti mata wang kripto atau token yang dibeli dengan tujuan untuk dijual semula adalah dikenakan zakat. Hal ini adalah berdasarkan prinsip umum dikenakan zakat terhadap perniagaan atau barang dagangan yang berpandukan hadis daripada Samurah bin Jundub r.a: “Rasulullah s.a.w memerintahkan agar kami mengeluarkan zakat terhadap barangan yang diperuntukkan untuk jualan.” Secara umumnya, kaedah pengkategorian zakat aset digital seperti mata wang dan juga

token digital sebagai *urudh tijarah* dilihat wajar dan bersesuaian dengan realiti semasa mata wang kripto iaitu sebagai salah satu bentuk aset pelaburan yang baharu. Oleh yang demikian, kajian menganggap dan mengadaptasi (*takyif*) mata wang kripto ini sebagai komoditi, bukan sebagai mata wang sungguhpun terdapat ciri-ciri yang sama dengan fungsi mata wang. Oleh yang demikian, aset digital dikenakan zakat.

Terdapat beberapa syarat yang digariskan fuqaha' untuk mengaplikasikan hukum zakat ke atas barang dagangan ini iaitu antaranya tidak ada sebab lain untuk mengeluarkan zakat melainkan dengan tujuan diniagakan. Barang yang diperoleh adalah hasil daripada transaksi jual beli atau hasil pertukaran sesuatu dengan sesuatu yang lain (*mu'awadhah*) juga adalah syarat yang telah ditetapkan oleh fuqaha'. Syarat seterusnya ialah berkaitan dengan niat untuk diniagakan berlaku semasa atau setelah pasti barang tersebut menjadi miliknya. Syarat ini juga terpakai apabila seseorang yang memiliki sesuatu barang pada asalnya untuk kegunaan sendiri, namun apabila harga barang tersebut meningkat di pasaran maka beliau menjualnya untuk mendapatkan keuntungan. Justeru itu, perbuatan ini juga dianggap sebagai niat untuk berniaga. Kemudian syarat keempat adalah dengan mencukupi syarat nisab, iaitu kadar minima dikenakan zakat yang disandarkan pada nilai emas atau perak. Cukup haul iaitu tempoh setahun pemilikan barang dagangan serta penilaian komoditi atau barangan dibuat mengikut nilai pasarnya, lalu zakat dikenakan jika nilai pasaran itu memenuhi syarat nisab adalah syarat yang telah digariskan. Oleh yang demikian, penilaian terhadap kriteria dikenakan zakat barang dagangan ini turut diguna pakai terhadap aset digital seperti mata wang kripto, token digital dan sebagainya.

Di Malaysia, setiap keputusan mahupun fatwa berkaitan zakat adalah tertakluk dalam bidang kuasa jabatan mufti bagi negeri-negeri. Hal ini adalah kerana peruntukan perlembagaan yang menetapkan urusan dan hal ehwal agama adalah tertakluk di bawah senarai negeri. Setakat hari ini, hanya terdapat satu negeri yang telah mengeluarkan ketetapan secara rasmi berkenaan permasalahan ini iaitu di Perlis. Pada 10 Januari 2020, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis yang telah bermesyuarat sebelumnya bagi membincangkan mengenai hukum zakat ke atas aset digital bitcoin secara rasmi memutuskan zakat dikenakan apabila mencukupi haul dan nisab di atas sifat ia dianggap barang dagangan (*'Urudh al-Tijarah*). Di samping itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis turut memutuskan bahawa pembayaran zakat boleh dilakukan dalam bentuk nilai wang ataupun dengan menggunakan unit bitcoin. Walau bagaimanapun, fatwa ini hanya menyentuh berkenaan bitcoin iaitu salah satu bentuk atau jenis mata wang digital yang terdapat dalam pasaran, namun terdapat banyak lagi jenis dan juga kategori yang disebutkan sebagai mata wang digital yang turut memerlukan penelitian dan perbincangan dari sudut aplikasi hukum dan kaedah Tafsiran zakat (Mohd Asri Zainul Abidin. 2018).

Oleh yang demikian, hukum mengeluarkan zakat ke atas aset digital atau mata wang digital ini adalah bergantung kepada niat dan tujuan asal ia diperoleh. Jika tujuannya adalah untuk dilaburkan atau memperoleh keuntungan, maka ia perlulah untuk dizakatkan. Namun, jika sekiranya ia hanya dipegang untuk mendapat sebarang manfaat daripada perkhidmatan, utility dan seumpamanya ia dianggap sebagai harta kegunaan seharian disebabkan penggunaannya yang terhad dan tidak menjana apa-apa hasil.



### ***Kaedah Pengeluaran Zakat Aset Digital***

Aset digital termasuk di dalam zakat harta kerana ia merupakan satu pendapatan bagi seseorang. Menurut Fatwa Wilayah Persekutuan selepas diputuskan oleh Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak, zakat pendapatan ialah pengeluaran wajib ke atas pendapatan yang meliputi apa-apa upah, gaji, elaun, imbuhan dan bonus. Di samping itu, antara syarat wajib bagi mengeluarkan zakat adalah seperti cukup haul dan nisab. Cukup haul bermaksud cukup setahun harta yang dimiliki itu dalam perkiraan tahun hijrah (354 hari) atau tahun masihi (365 hari) manakala cukup nisab adalah sesuatu harta itu mestilah mencapai amaun minima yang menentukan ia wajib dizakatkan atau tidak (Zulkifli Mohamad Al-Bakri. 2018).

Nisab bagi zakat pendapatan adalah bersifat tidak kekal dan sentiasa akan berubahubah dari tahun ke tahun. Hal ini adalah kerana ia mengikut harga emas semasa. Kadar zakat pendapatan yang dikenakan adalah 2.5% daripada jumlah pendapatan yang wajib dizakatkan. Sebagai contoh, sekiranya dalam tempoh setahun masihi jumlah pendapatan yang diperolehi menyamai atau melebihi nisab semasa kadar zakat yang telah ditetapkan, maka perlulah bagi pemilik harta itu untuk mengeluarkan zakat.

Dalam konteks aset digital seperti bitcoin, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis telah memutuskan bahawa pembayaran zakat boleh dilakukan dalam bentuk nilai wang ataupun dengan menggunakan unit bitcoin. Oleh itu, aset digital juga adalah perlu sekiranya sampai syarat untuk dizakatkan. Justeru, mereka juga turut memutuskan kaedah pengiraan bagi aset digital seperti bitcoin adalah seperti berikut:

$$[(\text{Nilai terendah unit bitcoin dalam setahun} \times \text{bilangan unit bitcoin}) + \text{keuntungan hasil dagangan sepanjang tahun}] \times 2.5\%$$

Contoh:

Harga 1 Bitcoin pada tahun 2022 = USD 40 000 (RM 120 000)

Bilangan unit bitcoin = 4 unit

Keuntungan hasil dagangan sepanjang tahun = RM 50 000

$[(\text{RM } 120\,000 \times 4) + \text{RM } 50\,000] \times 2.5\% = \text{RM } 13\,250$

Jumlah yang perlu dizakatkan = RM 13 250

Pengiraan bagi zakat aset digital seperti bitcoin adalah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis sahaja. Namun, di negeri-negeri lain masih belum mengeluarkan fatwa dan pandangan berkaitan aset digital ini lebih-lebih lagi dalam aplikasi zakat.

### **PENUTUP**

Aplikasi aset digital ini dilihat semakin berkembang dari semasa ke semasa. Ia selari dengan peredaran zaman yang mana penggunaan dan bentuk mata wang turut tempias dalam perkembangannya sehinggakan aset digital juga mendapat tempat dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Namun, hukum-hakam berkaitan aplikasi zakat dalam penggunaan aset digital ini masih

belum diperbincangkan secara meluas oleh ulama' serta pakar dalam bidang ini walaupun perkembangan pengurusan zakat seiring dengan teknologi semasa. Institusi zakat percaya dan yakin bahawa dengan melalui fasa perkembangan teknologi ini mampu memantapkan lagi sistem pengurusan zakat sekaligus menawarkan perkhidmatan yang lebih baik. Jika penyelidikan yang lebih menyeluruh dan terperinci terhadap aset digital, tidak mustahil aplikasi aset digital ini akan dapat menjadi perhatian pada masa akan datang sebagai satu inovasi baru dalam kehidupan.

## RUJUKAN

Luqman Tarmizi. 2018. Bayan Linnas Siri ke-153: Hukum Penggunaan Mata Wang Bitcoin. [https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/2773-bayan-linnas-153-hukum-penggunaan-matawang-bitcoin#\\_ftn75](https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/2773-bayan-linnas-153-hukum-penggunaan-matawang-bitcoin#_ftn75). [15 November 2018].

Misbah & Mukhlis B Mukti. 2012. *Terjemahan Fikih Imam Syafi'i*. Jilid 3. Selangor. Pustaka Azzam.

Mohd Asri Zainul Abidin. 2018. Fatwa Bitcoin. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke-38/2018. 8-9 November. Perlis.  
Mohamad Ikmal Sulaiman. 2021. *Kewajipan Zakat Pendapatan (Gaji): Analisis Pendapat Staf Akademik KUIS*. Jabatan Syariah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Mohamad Sabri Haron & Riki Rahman. 2016. *Pengagihan Zakat Dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid Al-Syari'ah*. Labuan e-Journal of Muamalat and Society. 129-140.

Mohd Daud Bakar. *Investment Strategy. Penjelasan Mata Wang Digital Bitcoin Dari Sudut Syariah*. Muhammad Ikhlas Rosele, Mohamad Noor Sahidi Johari, Muhsin Nor Paizin. 2021. *Dimensi Baharu Zakat Di Malaysia. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM)*.

Muhammad Syafiq Amri. 2020. *Pengembangan Zakat Al-Riqab: Satu kajian Hukum*. Jabatan Syariah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).  
Nurul Azyyati Rozi. 2021. *Pengamalan Pembayaran Zakat Pertanian (Padi) Dalam Kalangan Petani: Satu Kajian Di Pulau Pinang*. Jabatan Syariah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Pasarpolis. 2021. <http://pasarpolis.io/blogs-cms/ingin-investasi-aset-digital-ketahui-kelebihan-dan-kelemahannya/>. [25 November 2021]

Pertiwi Utami, Tulus Suryanto Ruslan Abdul Ghofur, M. Nador. 2020. *Refleksi Hukum Zakat Digital Pada Baznas Dalam Rangka Peningkatan Kesejahteraan Mustahik*. Jurnal Surya Kencana Satu: Dinamika Masalah Hukum dan Keadilan. Volume 1. Nombor 1.

Ridzuan Ahmad. 2012. *Fiqh Imam Syafie*. Selangor. PTS Millennia.  
Zulkifli Mohamad Al-Bakri. 2009. *Terjemahan Al-Fiqh AL-Manhaji Mazhab AlSyafie*. Jilid 2. Selangor. Darul Syakir Enterprise.

Zulkifli Mohamad Al-Bakri. 2011. *Fatwa Zakat Kontemporari: Satu Kajian Hukum Muamalat*. Al-Zuhaili, Wahbah. 2007. *Fiqh Islam wa Adillatuhu*. Kuala Lumpur: Darussalam.